

**Jenis Akhbar** : Utusan Online

**Tarikh** : 05/06/2024

**Edisi / Muka Surat** : <https://www.utusan.com.my/>

**Tajuk** : Sijil Pematuhan Syariah tingkat keyakinan peminjam

## Sijil Pematuhan Syariah tingkat keyakinan peminjam



**ABDUL FATTAH Abdullah** dalam sidang akhbar selepas merasmikan *Bengkel Kesedaran dan Pemerkasaan Pematuhan Syariah 2024 peringkat negeri* di sebuah hotel di Ayer Keroh, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

MELAKA: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan kesemua 600 koperasi di seluruh negara mempunyai Sijil Pematuhan Syariah menjelang 2025.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, setakat ini hanya 210 koperasi memiliki sijil berkenaan manakala baki 390 koperasi lagi koperasi dalam proses untuk memperolehnya.

Menurutnya, Sijil Pematuhan Syariah penting bagi meningkatkan keyakinan dalam kalangan peminjam atau pihak yang berurusan dengan koperasi berkenaan.

Ujarnya, bagaimanapun pihaknya menghadapi kekangan untuk memproses permohonan sijil itu kerana kekurangan kakitangan, selain permohonan perlu dibuat pada mesyuarat agung tahunan (AGM).

“Jika ada koperasi terlewat membuat permohonan pada AGM mereka, sebagai contoh pada Januari tahun ini mereka terlepas, justeru mereka terpaksa menunggu AGM Januari tahun depan.

“Ini adalah antara halangan yang dihadapi untuk memproses Sijil Pematuhan Syariah, justeru kita sasarkan tahun depan baki 390 koperasi yang dalam proses memohon sijil dapat diselesaikan menjelang 2025.

“Seperkara lagi bagi koperasi yang ingin mendapatkan pensijilan ini di luar adalah sangat mahal, justeru mereka menunggu Angkasa untuk memprosesnya kerana kita mengenakan caj sangat berpatutan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Kesedaran dan Pemerkasaan Pematuhan Syariah 2024 peringkat negeri di sebuah hotel di Ayer Keroh di sini, semalam. –  
UTUSAN